

SILAT

Rashid terpilih -9 NOV 1987 & Harian (M) wakili negara

BEKAS juara Taekwon-do kebangsaan, Rashid Che Omar dipilih mewakili negara dalam Kejuaraan Silat Sedunia pada 2-9 Disember ini selepas menjuarai Kelas Bebas dalam pertandingan pemilihan pesilat kebangsaan semalam, lapor **RAHIME MOHD YUSOFF**

Pesilat Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dari perguruan Silat Gayong Fathani itu menewaskan Mohd Zain Yaacob dari Kelantan dengan keputusan KO.

Katanya, kejayaan ini besar erti kepada ATM yang baru membabitkan diri lebih kurang seminggu dalam usaha mengembangkan silat olahraga.

"Saya akan berusaha lebih gigih bagi memastikan kejayaan negara. Bagaimanapun masih banyak kelemahan yang perlu diatasi berdasarkan latihan tidak sampai seminggu untuk pemilihan ini," jelasnya.

Sementara itu, pemenang pingat gangsa Sukan SEA Jakarta, Salbiah Saleh dari Johor kecundang kepada Masliza Abu Bakar dari perguruan Gayong Fathani di peringkat separuh akhir.

Masliza menjuarai Kelas B selepas mengetepikan pesilat Kelantan, Wan Azimah Wan Ahmad.

Sementara itu Khatijah Salleh (Kelas A), Siti Anida Mahadi (C), Siti Azahariah Hussin (D) dan Zaleha Suradi (E) masing-masing mengekalkan kejuaraan.

Bagaimanapun, pesilat yang tewas kepada pesilat kebangsaan itu turut dipilih mewakili negara dalam kejuaraan itu. Antaranya, Normala Yaacob (A), Wan Azimah Wan Ahmad (B), Aswida Darus (C), Fatimah Kamarullah (D) dan Rohan Daud (E).